

# Pusat dialisis NKF seluruh negara terima 10 unit mesin

KUALA LUMPUR 30 Mei - Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) meningkatkan kemudahan pusat dialisis miliknya di seluruh negara dengan penerimaan 10 unit mesin *dialyser reprocessor* hari ini.

Naib Pengerusi NKF, Goh Seng Chuan berkata, mesin digunakan untuk membersihkan, menyah jangkitan dan menguji buah pinggang artificial pada alat dialisis bernilai RM320,000 tersebut adalah hasil sumbangan Yayasan Berjaya Cares.

"Kita akan menempatkan mesin ini di pusat dialisis di Taiping, Klang, Kluang, Kuching, Petaling Jaya, Johor Bahru dan Kuala Terengganu.

"Sokongan mereka bermula sejak 17 tahun dahulu apabila pusat dialisis dibuka pada 6 Disember 1996 lagi," katanya ketika me-

nyampaikan ucapan penghargaan di Ibu Pejabat NKF hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif, Kumpulan Berjaya Bhd., Nerine Tan dan Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee.

Seng Chuan menambah, kira-kira 1,500 pesakit buah pinggang menerima rawatan dialisis bersubsidi di 27 pusat NKF seluruh negara.

Sementara itu, Nerine Tan berharap, sumbangan yang diberikan akan dapat meningkatkan lagi kualiti pusat dialisis NKF kepada pesakit buah pinggang yang kian meningkat.

"Sejak tiga tahun lalu, kita menyumbang lebih RM1 juta kepada NKF bagi mengurangkan bebanan pesakit buah pinggang kerana tidak berkemampuan menanggung kos dialisis yang tinggi," katanya.



**GOH Seng Chuan (kiri) bersama Nerine Tan beramah mesra dengan salah seorang pesakit di Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan di Petaling Jaya, semalam.**